


Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik UMS sambut pelajar baharu penuh kemesraan



DR NIZAM... Pengetua Kolej CD UMS.

kediaman.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman CD yang ditemui iaitu Dr. Mohamad Nizam Nazarudin bahawa dalam usaha untuk membekalkan barang keperluan harian pelajar mencukupi, bahagian keusahawanan kolej kediaman iaitu CD-Mart telah menjalankan jualan yang merangkumi barang keperluan asas serta makanan dan minuman. Bagi memudahkan pelajar, terdapat beberapa pakej telah dijual yang menawarkan harga yang lebih rendah berbanding mereka membeli barang secara berasingan. CD-Mart telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar baharu yang datang pada hari pertama pendaftaran universiti.

Merurut beliau lagi bahawa sepanjang pendaftaran pelajar baharu, para pelajar yang telah mendaftar turut menyatakan bahawa mereka berasa bersemangat untuk mendaftar ijazah pertama mereka di Universiti Malaysia Sabah. Mereka turut berasa gembira dengan layanan mesra yang diberikan oleh ahli jawatankuasa kolej kediaman dan bersyukur ditempatkan di kolej kediaman CD.

Antara pelajar yang ditemui, Mohd. Akmal yang berasal dari Pahang berkata pihak jawatankuasa memberi bantuan secukupnya sepanjang pendaftaran dari segi fasiliti kolej kediaman terjamin. Tidak kurang juga ibu bapa yang hadir menemani anak-anak mereka turut melahirkan rasa puas hati dengan kemudahan yang disediakan. Mereka ternyata gembira dengan inisiatif yang dilakukan oleh ahli jawatankuasa kolej kediaman terutamanya penghantaran barang anak-anak mereka ke blok masing-masing.

Pada hari kedua pendaftaran, bilangan pelajar yang mendaftar agak berkurangan berbanding pada hari pertama pendaftaran. Sesi Majlis Ramah Mesra Ibu Bapa juga telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada ibu bapa. Sesi ini telah dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Dr Shahril Yusoff.

Beliau berkata pihak kolej kediaman CD telah menyediakan kemudahan serta keselamatan yang terbaik di antara semua kolej ke-



UCAPAN ALU-ALUAN... Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi menyampaikan ucapan alu-aluan kepada para ibu bapa.



LAWAT... Timbalan Naib Canselor, Dr Kassim (kanan) bersama Dr. Puteri melawat pusat pendaftaran.

diaman. Beliau berpuas hati dengan persiapan yang dilakukan oleh kolej kediaman CD.

Pada sesi ini juga, Dr. Puteri Hayati selaku Felo Penyelaras Minggu Suai Mesra Kolej Kediaman CD berkata, persiapan yang dilakukan serta inisiatif dari segi logistik sedikit sebanyak membantu dalam proses pendaftaran pelajar ke bilik dengan lancar. Rata-rata ibu bapa yang ditemui turut kagum dengan bantuan

dan sambutan yang diberikan.

Pelbagai aktiviti akan direncanakan bagi memastikan kolej kediaman CD disegani sebagai sebuah kolej kediaman yang menampilkan kecemerlangan dari segi akademik dan kokurikulum. Secara tidak langsung, pertambahan pelajar baharu yang menginap di kolej kediaman CD akan merencanakan lagi suasana kolej pada sesi ini.

KOLEJ Kediaman Cemerlang Dinamik (CD), Universiti Malaysia Sabah menerima seramai 893 orang pelajar baharu bagi sesi 2013/2014. Daripada jumlah tersebut seramai 21 orang adalah pelajar antarabangsa.

Pendaftaran pelajar baharu telah bermula pada 1 September di dewan serbaguna kolej kediaman CD. Ahli jawatankuasa Minggu Suai Mesra (MSM) Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) yang terdiri daripada 52 ahli jawatankuasa yang diketuai oleh Muhd. Yusuf Mohd. Sobery selaku Yang-di Pertua telah mula menerima beberapa orang pelajar yang datang lebih awal beberapa hari sebelum hari pendaftaran rasmi universiti.

Sebelum bermulanya pendaftaran pelajar baharu, ahli jawatankuasa kolej kediaman telah membuat pelbagai persiapan dalam menerima kedatangan pelajar. Fasiliti kolej kediaman yang termasuk bilik pelajar juga telah diselenggara bagi memastikan keadaan bilik sentiasa berada di dalam keadaan yang terbaik untuk keselesaan pelajar kolej kediaman CD.


Pada hari pertama pendaftaran di kolej kediaman CD, pelajar ditemani oleh ibu bapa masing-masing yang hadir seawal jam 7.00 pagi bagi memastikan mereka boleh mendaftar awal. Bahagian sambutan dan penginapan kolej kediaman telah membawa pelajar ke blok yang telah ditetapkan setelah mereka selesai melakukan pendaftaran. Informasi mengenai kolej kediaman juga telah diedarkan kepada para pelajar bagi memastikan mereka tahu nombor yang hendak dihubungi sekiranya berlaku sebarang masalah.

Dengan inisiatif daripada pihak kolej kediaman CD, beberapa buah kenderaan telah digunakan bagi membawa beg-beg mereka ke kawasan hadapan blok masing-masing bagi memudahkan pelajar. Usaha ini secara tidak langsung mendapat pujian daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Akademik), Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur yang telah membuat lawatan ke kolej kediaman CD semasa pendaftaran pelajar baharu. Menurut beliau, usaha seumpama ini perlu diteruskan bagi memastikan kebajikan pelajar terjaga setiap masa di dalam kolej

PERSIAPAN... Felo sedang membantu persiapan koperasi CD Mart.



DAPATKAN KEPERLUAN... Pelajar Baharu mendapatkan keperluan barangan di CD Mart.



BANTU HANTAR BEG... Inisiatif pembimbing CD membantu penghantaran beg pelajar baharu.



DAFTAR MELALUI TALIAN... Pelajar baharu sedang mendaftar secara talian di dewan kolej CD.